

Sistem Bahasa: Bahagian B

A. *Klik jawapan yang paling sesuai bagi ayat-ayat di bawah ini.*

- (i) Abang Wahid menghantar komputer ribanya yang rosak itu ke kedai untuk (diteliti, dibaiki, diperhati).
- (ii) Zu Lee (terambil, tertarik, terbeli) jam tangan adiknya sewaktu tergesa-gesa untuk ke sekolah.
- (iii) Budak lelaki itu (tertimpa, tersentuh, terlanggar) oleh motosikal yang sedang ditunggang dengan lajunya ketika mahu melintas jalan.
- (iv) Beberapa biji kelapa (diletakkan, dilepaskan, dimasukkan) oleh ayah di halaman rumah.
- (v) Semak samun di belakang rumah sudah (ditebang, ditebas, dibelah) oleh ayah.

B. *Isi tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah ini dengan kata kerja pasif yang sesuai.*

dibenarkan

dimasukkan

dipanah

diusung

dikemas

dijual

- (i) Beberapa batang pokok durian Pak Zain mati akibat _____ petir.
- (ii) Kereta lama ayah telah _____ kepada rakan baiknya.
- (iii) Murid-murid tidak _____ bercakap apabila peperiksaan sudah bermula.
- (iv) Buku-buku itu telah _____ oleh Vithya ke dalam beg sekolahnya.
- (v) Pemain bola sepak yang mengalami kecederaan itu _____ keluar dari padang.
- (vi) Alat permainan adik yang bersepah-sepah itu sudah _____ oleh kakak.